

06 SEP 2001

Mahathir-Aplikasi Perdana

MSC AKAN TINGKATKAN APLIKASI PERDANA SEDIA ADA

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) akan meningkatkan bilangan aplikasi perdana daripada enam yang sedia ada untuk turut memasukkan pendidikan jarak jauh dan pembangunan usahawan teknokrat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kami membincangkan banyak mengenai pembelajaran jarak jauh yang akan menjadi antara projek baru bagi kita kerana kita mahu mengubah cara kita mengajar kanak-kanak di bilik darjah dengan menggunakan perisian baru yang akan membolehkan guru untuk mengajar mengikut perisian baru itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam persidangan berita selepas hari pertama mesyuarat tiga hari Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di Cyberview Lodge di sini, hari ini.

Sebagai contoh dalam pembelajaran jarak jauh, pengajaran bahasa Inggeris boleh dilakukan menggunakan satu perisian yang kini dalam peringkat pembangunan, dengan ia bukan sahaja memanfaatkan penuntut tetapi juga guru-guru.

"Perisian bagi ini sedang dimajukan dan saya rasa ini akan membolehkan anak-anak kita bukan sahaja belajar Bahasa Inggeris tetapi juga Matematik dan Sains menggunakan teknik pengajaran terbaik (yang akan disediakan melalui perisian).

Sementara itu Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata, aplikasi pembangunan usahawan teknokrat pula diwujudkan untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana.

"Ia juga dibentuk untuk membolehkan industri kecil dan sederhana membuat persiapan bagi menghadapi pasaran dunia," kata beliau di persidangan berita yang sama.

Beliau berkata, aplikasi perdana baru ini akan dimajukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

MSC kini mempunyai enam aplikasi perdana dan mereka ialah kerajaan elektronik, kad berbilang guna, sekolah bestari, telekesihatan, kelompok penyelidikan dan pembangunan serta e-niaga.

Mengenai mesyuarat pagi ini, Dr Mahathir berkata ia boleh disifatkan sebagai berguna dan sesi yang baik untuk berkongsi idea.

"Kami menerangkan kepada 26 anggota IAP itu mengenai keadaan negara dan rantau serta komitmen berterusan kami kepada teknologi maklumat dan komunikasi," katanya.

Perdana Menteri juga berkata mesyuarat itu juga membincangkan kejayaan sehingga ini aplikasi-aplikasi perdana sedia ada di MSC dan impak kegawatan ekonomi Amerika Syarikat di Malaysia dan rantau.

Sementara itu Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata inisiatif pembelajaran jarak jauh yang sepatutnya dijalankan akan digunakan untuk melengkapkan aplikasi sekolah bestari.

"Bagaimanapun sekolah bestari akan terus kekal sebagai teras," kata beliau. Musa berkata aplikasi pembelajaran jarak jauh adalah inisiatif baru daripada sektor swasta dan ia hanya akan digunakan sebagai pelengkap kepada sekolah-sekolah bestari.

"Kita sedang mengkaji ini dan saya rasa beberapa daripada inisiatif ini dapat dilihat di ekspo MSC (di Pusat Dagangan Dunia Putra)," katanya.

-- BERNAMA

SR AKT PR